



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
08 MEI 2019 (RABU)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	PNSB 3 KALI PINDA PELAN PROJEK TAMAN AIR MANIS
MUKA SURAT	61

PNSB 3 kali pinda pelan projek Taman Air Manis

Shah Alam: Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) semalam diberitahu kelemahan aspek merancang menjadi punca projek pembangunan Taman Air Manis, Sabak Bernam terbengkalai sejak 10 tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Diperbadankan (MBI) Selangor, Raja Shahreen Raja Othman, berkata berdasarkan pemerhatiannya, Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) selaku pemaju sudah melakukan pindaan pelan projek sebanyak tiga kali sejak 2009 sehingga kini.

Projek lari daripada landasan

“Projek ini sudah lari daripada landasan asal. Setahu saya, pelan asal perancangan ialah membina hentian rehat dan rawat (R&R).

“Dalam pindaan pelan, saya diberitahu akan bina rumah pula. Jika tidak silap, ada enam rumah contoh di tapak projek.

“Berdasarkan perkembangan terkini, saya dimaklumkan pembinaan hentian R&R tiada lagi dalam perancangan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi saksi pendengaran awam SELCAT yang dipengerusikan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, Ng Suee Lim.

Dalam pada itu, Raja Shahreen juga berkata kos asal projek pembangunan itu ialah RM26.7 juta.

“Ta anggaran kos ketika projek itu diluluskan. Saya tidak tahu kos lain termasuk kos rawatan tanah di tapak projek,” katanya.

Projek pembangunan di atas tanah berkeluasan 10.11 hektar itu diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 2009, manakala majlis pecah tanah dilakukan pada 2013.

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	800,000 PENGGUNA DI KLANG TERJEJAS
MUKA SURAT	

GANGGUAN BEKALAN AIR



[FOTO FAIZ ANUAR/BH]

Orang ramai mengambil bekalan air bersih berhampiran Masjid Jamek Ar Rahimiah, Klang.

800,000 pengguna di Klang terjejas



Amirudin Shari

➔ Bekalan air pulih secara berperingkat bermula petang semalam

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@nstp.com.my

► Klang

Gangguan bekalan air membabitkan kira-kira 160,000 akaun atau hampir 800,000 pengguna di daerah ini pulih secara berperingkat bermula petang semalam.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, berkata gangguan dijangka selesai sepenuhnya dalam tempoh 24 jam bermula petang semalam.

Katanya, kawasan paling lewat menerima bekalan air adalah di Telok Gong di Pulau Indah dan kerja membaiki paip 1,400 milimeter (mm) perlu dilakukan sebelum bekalan air dialihkan ke kolam takungan di Lipat Kajang, Klang.

"Penduduk di Klang akan menerima air secara berperingkat dan dalam tempoh 24 jam kawasan paling jauh akan terima bekalan air jika tidak berlaku kerosakan luar jangka.



Dr Xavier (tiga dari kanan) meninjau kerja pembaikan paip utama berhampiran WCE hujung minggu lalu.

"Semalam (kelmarin) kita hampir selesai membaiki paip berkapasiti 1,400 mm tetapi malam tadi (semalam) berlaku lagi pergerakan tanah dan terpaksa hentikan kerja untuk elak masalah lebih besar," katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Terdahulu, beliau melawat lokasi tiga paip utama yang pecah hujung minggu lalu, ber-

hampiran projek pembinaan Lebuhraya West Coast Expressway (WCE) Banting-Taip.

Amirudin berkata, gangguan bekalan air itu berlaku selepas runtuh jajaran lebuh raya berkenaan pada tengah malam 4 Mei lalu yang kemudian memberi tekanan kepada tiga jenis paip iaitu berkapasiti 1,400mm, 900mm dan 600mm.

Teliti kualiti kerja

Pada masa sama, Amirudin berkata kerajaan negeri mahu pihak berkuasa berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), meneliti kualiti kerja di jajaran terbabit.

Katanya, buat masa sekarang, pemaju sedang giat memindahkan batuan dan bebanan di lokasi bagi mengurangkan tekanan dan kerja berkenaan dijangka siap dalam tempoh tiga hingga empat hari.

"Pihak Air Selangor sedang membuat kajian jumlah kerugian, namun yang penting ketika ini adalah untuk memulihkan bekalan air untuk penduduk terutama dalam tempoh umat Islam sedang menjalani ibadah berpuasa," katanya.

Sementara itu, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar berkata, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sudah diarah untuk memulakan siasatan terhadap kejadian paip pecah itu, sekali gus mengelakkan kejadian sedemikian berulang.

"Esok (hari ini) saya akan minta Jabatan berkaitan seperti Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMGM) untuk membantu siasatan dan meninjau lokasi terbabit dengan tumpuan kepada pergerakan tanah," katanya.



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	EZ-ZAKAT MUAMALAT MUDAHKAN BAYARAN
MUKA SURAT	37

Ez-Zakat Muamalat mudahkan bayaran

KUALA LUMPUR 7 Mei - Bank Muamalat Malaysia Berhad melancarkan fasiliti Ez-Zakat Muamalat iaitu kemudahan pengiraan dan potongan zakat secara automatik bagi akaun simpanan dan semasa para pelanggannya.

Bank Muamalat Malaysia Berhad berkata, pihaknya menandatangani dokumen persetujuan dengan Lembaga Zakat Selangor MAIS (LZS-MAIS) untuk bekerjasama dalam fasiliti tersebut.

Katanya, LZS merupakan rakan kongsi kedua Bank Muamalat dalam menyediakan khidmat pengiraan dan pemotongan zakat ke atas akaun simpanan pelanggannya.

“Inisiatif itu akan memudahkan pendeposit Bank Muamalat yang beragama Islam menunaikan kewajipan berzakat ke atas wang simpanan mereka dengan potongan zakat akan dilakukan secara automatik apabila cukup haul dan nisab.

“Selain itu, potongan zakat yang dibuat melalui Ez-Zakat Muamalat melayakkan pen-

deposit mendapat pelepasan cukai pendapatan di bawah Seksyen 6A (3) Akta Cukai Pendapatan 1967,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Terdahulu, Bank Muamalat telah melancarkan dan menerajui Ez-Zakat Muamalat dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat-MAIWP pada 26 Mac lalu.

Bank Muamalat dalam kenyataannya turut berhasrat untuk melebarkan kerjasama pengurusan zakat dengan negeri-negeri lain di mana kini bank itu menjalinkan kerjasama pengurusan zakat dengan empat buah negeri.

“Selain zakat, Bank Muamalat turut aktif mempromosikan wakaf, perancangan harta, dan akaun emas sekali gus menjadikan Ez-Zakat sebagai perkhidmatan ikoniknya.

“Perkhidmatan Ez-Zakat Muamalat ditawarkan di semua 64 cawangan Bank Muamalat seluruh negara dan kaedah kiraan serta potongan zakat yang akan digunakan adalah mengikut praktis LZS-MAIS,” jelasnya.

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	8,000 ANAK YATIM DI SELANGOR BAKAL TERIMA BANTUAN
MUKA SURAT	46



TENGGU AMIR SHAH (tengah) bersama kumpulan anak yatim selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri di Rumah Anak Yatim Sultan Salahuddin Aziz Shah Al Haj di Pantai Puteri, Melaka, baru-baru ini. - UTUSAN/AZLI AHAD

8,000 anak yatim di Selangor bakal terima bantuan

MELAKA 7 Mei - Sejumlah 8,000 anak yatim di seluruh Selangor bakal menerima bantuan daripada Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nur Mohd. Razali Abdullah berkata, jumlah itu melibatkan peruntukan berjumlah kira-kira RM1.2 juta yang dilaksanakan sejak lima tahun lalu.

Menurut beliau, enam program telah diatur melibatkan jelajah YIDE bersama Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah untuk menyampaikan bantuan kepada anak-anak yatim di negeri itu.

“Mulai minggu depan, kita akan melaksanakan enam program jelajah Raja Muda Selangor dan kita akan teruskan aktiviti seperti ini bagi meringankan beban semua anak-anak yatim.

“Malah ada seorang penyumbang yang bermurah hati memberikan bau-

car RM100 untuk membeli barangan keperluan di Pasar Raya Hari-Hari,” katanya.

Beliau ditemui selepas program penyampaian sumbangan Aidilfitri oleh Tengku Amir Shah kepada penghuni Rumah Anak-anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj (Raysas) di Tanjung Kling di sini hari ini.

Pada majlis itu baginda menyampaikan sumbangan kepada 54 anak-anak yatim bernilai RM16,200 sempena sambutan hari raya kali ini.

Yang turut hadir pada program itu, Ketua Menteri, Adly Zahari; Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Azman Aziz; Pengerusi Raysas, Datuk Yaakob Md. Amin dan Timbalan Mufti Selangor, Datuk Dr. Anhar Opir.

YIDE adalah sebuah organisasi penuh milik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang dipertanggungjawab menjaga hal ehwal kebajikan anak-anak yatim seluruh negeri Selangor.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	SAOW DI TESCO SETIA ALAM
MUKA SURAT	20

SAOW di Tesco Setia Alam

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) membuka kaunter bergerak *Shah Alam On Wheel* (SAOW) di pekarangan tempat letak kereta Tesco Setia Alam Sabtu ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, perkhidmatan SAOW itu memudahkan urusan orang ramai melakukan pembayaran kompaun tertunggak tanpa perlu ke kaunter.

“SAOW mula dibuka seawal 11 pagi sehingga 3 petang dan menyediakan perkhidmatan semakan dan pembayaran cukai taksiran, semakan dan pembayaran kompaun tempat letak kereta serta kaunter aduan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, melalui perkhidmatan itu MBSA yakin dapat memantapkan lagi sistem perkhidmatan untuk manfaat masyarakat.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	TEBING RUNTUH ANCAM NYAWA
MUKA SURAT	21

Tebing runtuh ancam nyawa

Hakisan makin teruk setiap kali hujan lebat

ASYRAF MUHAMMAD

SUBANG

Penduduk di berhampiran kawasan Lot 3373, Jalan Tembusu, Kampung Melayu Subang diancam bahaya susulan tebing pada sistem saliran di sini mula runtuh sejak dua minggu lalu.

Lebih membimbangkan, runtuh tersebut juga dikatakan menjadi semakin teruk pada waktu hujan lebat.


Seorang pengusaha bengkel, Zainuddin Deraman, 47, berkata, keada-

an runtuh itu telah berlaku sejak beberapa bulan lalu namun keadaannya menjadi semakin teruk dua minggu lepas berikutan hujan lebat pada waktu itu.

"Struktur tanah di kawasan ini mungkin tidak kuat dan menyebabkan runtuh berlaku pada waktu hujan," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* semalam.

Mengulas lanjut, Zainuddin berkata, tebing sistem saliran yang terjejas itu amat berisiko berikutan ia hanya terletak beberapa meter dari kediaman penduduk di sini.

Katanya, selain penempatan penduduk terdapat beberapa bengkel yang beroperasi bersebelahan kawasan sistem saliran terlibat turut terjejas dan berada dalam situasi bahaya.



Hujan lebat menyebabkan tebing pada sistem saliran di Jalan Tembusu Kampung Melayu Subang runtuh.

"Keadaan hakisan ini amat membimbangkan dan penduduk gusar situasi akan semakin teruk jika hujan lebat turun selepas

ini," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk, Hafnizani Abu Hamifah, 39, berkata, dia terpaksa mengeluarkan

wang sendiri sebanyak RM4,000 bagi membina benteng sementara yang diperbuat daripada konkrit susulan daripada insiden

tersebut.

Hafnizani berkata, tindakan tersebut diambil berikutan bimbang tentang aspek keselamatan akibat runtuh tersebut.

"Benteng ini hanya dapat bertahan sementara dan tindakan segera perlu diambil sebelum keadaan semakin serius.

"Saya bina benteng ini pun sebab siang malam tak dapat tidur kerana bimbangkan tentang aspek keselamatan," katanya.

Tambahnya, pihak berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Sakiran (JPS) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) perlu segera mengambil tindakan bagi mengatasi permasalahan itu sebelum sebarang kejadian tidak dingini berlaku.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	“SEKSANYA TAK ADA AIR”
MUKA SURAT	22

PAIP PECAH JEJAS BEKALAN AIR

‘Seksanya tak ada air’

Rutin kira-kira 5,000 penduduk di Taman Perepat Indah, Kapar di sini terjejas apabila bekalan air terputus selepas tiga paip utama berhampiran projek pembinaan Lebuhraya West Coast Expressway (WCE) Banting-Taiping pecah sejak tiga hari lalu.

AZIE YAHAYA

KLANG

Rutin kira-kira 5,000 penduduk di Taman Perepat Indah, Kapar di sini terjejas apabila bekalan air terputus selepas tiga paip utama berhampiran projek pembinaan Lebuhraya West Coast Expressway (WCE) Banting-Taiping pecah sejak tiga hari lalu.

Difahamkan, sehingga jam 2 petang semalam, bekalan air belum pulih menyebabkan penduduk terpaksa mencari alternatif lain dengan menadah air di pili awam selain membeli air mineral untuk diminum.

Wakil penduduk, Agos Ruba'i berkata, masalah itu menyukarkan penduduk kerana mereka tidak membuat persediaan awal.

“Kami terpaksa berulang alik menadah air di tangki simpanan berikutan tiada lori tangki masuk ke taman ini untuk bekalkan air.

“Memang penat sebab terpaksa beratur panjang menunggu giliran memandangkan hanya ada dua saluran paip disediakan,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, mereka terpaksa menghadkan penggunaan air.

“Air tadahan ini hanya untuk



Penduduk terpaksa menadah air yang disalurkan dari tangki simpanan air di kawasan taman perumahan berhampiran.

kegunaan seperti memasak dan yang lebih penting. Kami juga terpaksa catu air untuk mandi.

“Lebih rumit, sekarang bulan puasa. Kami terpaksa makan ala kadar untuk terbuka dan bersahur sebab air dicatu,” katanya.

Guna air secara berhema
Suri rumah, Siti Norputeri Daud, 32, berkata, dia terpaksa menggunakan air secara berhema disebabkan penat berulang-alik untuk menadah air.

“Kami hairan kenapa pihak Air Selangor tak hantar lori tangki ke kawasan perumahan ini

sedangkan kami banyak kali menghubungi pihak berkenaan.

“Memang perit dan seksa bila tak ada air sebab kami memang tak buat persediaan langsung untuk tadah air. Saya amat berharap bekalan air segera pulih,” katanya.

Pekerja swasta, Shaida Non, 39, pula berkata, dia terpaksa mengambil cuti disebabkan masalah itu.

“Saya terpaksa cuti hanya kerana tunggu bekalan air tiba di kawasan perumahan kami tapi ternyata sia-sia. Sehingga hari ini (semalam) tiada lori tangki datang,” katanya.

Tiada lori tangki hantar bekalan air

Penduduk, Faizalshah Madsah, 38, berkata, Air Selangor wajar segera menghantar lori tangki air kepada penduduk yang terjejas.

“Sudah banyak kali kami telefon, buat aduan mengenai perkara ini kepada pihak Air Selangor. Namun sehingga petang tadi (semalam), memang tiada satu pun lori tangki yang datang ke kawasan kediaman kami untuk hantar bekalan air.

“Memang kita tak boleh jangka kejadian itu tapi pihak berkenaan perlu ada langkah atau cara sistematik untuk menghantar bekalan air kepada pengguna terjejas,” katanya.

Menurutnya, dia berharap gangguan bekalan air di kawasan terlibat segera diatasi.



Penduduk terpaksa berulang alik untuk mendapatkan bekalan air.





AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	TIADA LORI TANGKI HANTAR BEKALAN AIR
MUKA SURAT	22

Tiada lori tangki hantar bekalan air

Penduduk, Faizalshah Madsah, 38, berkata, Air Selangor wajar segera menghantar lori tangki air kepada penduduk yang terjejas.

“Sudah banyak kali kami telefon, buat aduan mengenai perkara ini kepada pihak Air Selangor. Namun sehingga petang tadi (semalam), memang tiada satu pun lori tangki yang datang ke kawasan kediaman kami untuk hantar bekalan air.

“Memang kita tak boleh jangka kejadian itu tapi pihak berkenaan perlu ada langkah atau cara sistematik untuk menghantar bekalan air kepada pengguna terjejas,” katanya.

Menurutnya, dia berharap gangguan bekalan air di kawasan terlibat segera diatasi.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PERGERAKAN TANAH PUNCA LEWAT
MUKA SURAT	23

PAIP PECAH JEJAS BEKALAN AIR

Pergerakan tanah punca lewat

Pihak berkaitan buat siasatan di kawasan paip pecah

AZIE YAHAYA

KLANG

Kerja pembaikan tiga paip utama yang pecah berhampiran projek pembinaan Lebuhraya West Coast Expressway (WCE) Banting-Taiping Ahad lalu akan mengalami kelewatan akibat pergerakan tanah di kawasan itu.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Permodalan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir Izhah Hashim berkata, buat masa ini pihaknya dan WCE sedang menjalankan siasatan bagi menyasat punca pergerakan tanah itu.

Beliau turut mengarahkan WCE untuk mengurangkan bebanan di struktur tanah terbabit bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

"Berlaku pergerakan tanah di kawasan terbabit menyebabkan kerja-kerja pembaikan terganggu. Apabila membatikan tanah sudah tentu ia masalah serius selain turut membatikan tiga paip utama bersaiz 1400mm, 900mm dan 600mm.

"Kerja-kerja untuk mengurangkan bebanan di struktur tanah berkenaan giat dijalankan," katanya selepas mengadakan tinjauan ke lokasi kejadian di sini semalam.

Izhah berkata, kerajaan negeri dan pihak WCE akan berusaha menyelesaikan kerja pembaikan paip itu dengan segera.

"Kerajaan Negeri mahu pihak bertanggungjawab terus memastikan langkah keselamatan dijaga



Izhah (tiga dari kanan) meninjau kerja-kerja pembaikan tiga paip utama yang pecah berhampiran projek pembinaan Lebuhraya West Coast Expressway (WCE) Banting-Taiping, semalam.

bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku lebih serius," katanya.

Beliau turut memohon maaf kepada 175,000 pemegang akaun yang terjejas khususnya sekitar Klang akibat insiden itu dan berjanji akan menyelesaikan masalah berkenaan secepat mungkin.

"Saya berharap semua pihak bersabar dan jika ada aduan, tidak dapat bekalan air yang dihantar boleh menghubungi Air Selangor dan saya sendiri," katanya.

Sedia 74 lori tangki

Izhah berkata, Air Selangor diminta menghantar lebih bekalan air kepada masjid dan surau kawasan yang terjejas bagi memastikan aktiviti kedua-dua institusi itu diteruskan sepanjang Ramadan.

Menurutnya, 74 lori tangki air terdiri daripada 69 lori tangki bersaiz biasa dan lima jumbo di-

gerakkan untuk menghantar bekalan di seluruh kawasan terjejas.

"Sebanyak 65 kawasan membatikan 175,000 pemegang akaun khususnya sebahagian Klang terjejas susulan insiden ini.

"Selain menghantar 74 lori tangki air, pihak Air Selangor akan turut meletakkan tangki septik di 10 lokasi dan mengedarkan 20,000 botol air mineral kepada penduduk," katanya.

Bekalan air pulih berperingkat

KETUA Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad berkata, pemulihan bekalan air di kawasan terjejas akan dibuat secara berperingkat.

Beliau berkata, Air Selangor akan menyegerakan bekalan air dalam tempoh 24 jam sekiranya masalah dalam proses pembaikan paip itu dapat diselesaikan.

"Pelanggan boleh meng-

hubungi kami di talian 15300 atau WhatsApp ke 019-2816793 dan 019-2800919 untuk bantuan atau boleh melayari laman sesawang www.syabas.com.my, Facebook 'Air Selangor' dan Twitter @air_selangor untuk info terkini," katanya.

Sejak Ahad lalu, hampir 90 kawasan di Klang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual selepas tiga paip utama di kawasan pembinaan lebuhraya pecah.

Kronologi insiden paip pecah

- 4 Mei 2019**
 - Tiga paip utama pecah berhampiran projek pembinaan Lebuhraya West Coast Expressway (WCE) Banting-Taiping, kira-kira jam 9 malam.
 - Kerja-kerja pembaikan giat dijalankan.
- 5 MEI 2019**
 - Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor memaklumkan penduduk sekitar Klang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual.
 - Dua Pusat Khidmat Setempat (PKS) diaktifkan bermula jam 8 malam selain lori tangki digerakkan ke kawasan terjejas.
- 6 Mei 2019**
 - Kerja pembaikan tiga paip utama yang pecah dijangka siap jam 8 malam.
 - Kerja pembaikan mengambil sedikit masa kerana kerosakan serius pada paip jajaran utama.
 - Kerja pembaikan terpaksa dilanjutkan berikutan berlaku pergerakan tanah.
 - Air Selangor dalam kenyataan media memaklumkan, pihaknya memerlukan masa sebelum sistem bekalan dapat diaktifkan semula.
- 7 Mei 2019**
 - Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Permodalan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir Izhah Hashim turun padang meninjau lokasi kejadian.
 - Kerajaan negeri dan WCE menjalankan siasatan bagi menyasat punca pergerakan tanah.
 - Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari meminta penduduk meninggalkan mesej ke akaun Twitter dan Facebook miliknya bagi memaklumkan lokasi kritikal yang memerlukan bekalan air.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	BEKALAN AIR PULIH BERPERINGKAT
MUKA SURAT	23

Bekalan air pulih berperingkat

KETUA Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad berkata, pemulihan bekalan air di kawasan terjejas akan dibuat secara berperingkat.

Beliau berkata, Air Selangor akan menyegerakan bekalan air dalam tempoh 24 jam sekiranya masalah dalam proses pembaikan paip itu dapat diselesaikan.

“Pelanggan boleh meng-

hubungi kami di talian 15300 atau WhatsApp ke 019-2816793 dan 019-2800919 untuk bantuan atau boleh melayari laman sesawang www.syabas.com.my, Facebook ‘Air Selangor’ dan Twitter @air_selangor untuk info terkini,” katanya.

Sejak Ahad lalu, hampir 90 kawasan di Klang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual selepas tiga paip utama di kawasan pembinaan lebuhraya pecah.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	APLIKASI PINTAR LETAK KERETA
MUKA SURAT	24

Aplikasi pintar letak kereta

MPSJ laksanakan sistem SSP dan PBP mudahkan pengguna

NUR FARHANA ABDUL MANAN

SUBANG JAYA

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) melaksanakan sistem aplikasi pintar letak kereta *Smart Selangor Parking* (SSP) dan *Parkbyphone* (PBP) sebagai alternatif pembayaran di 44,639 petak parkir berbayar di kawasan pentadbirannya.

Yang Dipertuanya, Noraini Roslan berkata, pengguna tidak perlu lagi tergesa-gesa membuat pembayaran letak kereta kerana sistem tersebut membolehkan mereka membuat pembayaran di mana-mana sahaja pada bila-bila masa.

"Aplikasi SSP adalah di bawah seliaan Smart Selangor Delivery



Sze Han (tengah) mencuba sistem aplikasi pintar letak kereta sambil diperhatikan Noraini (tiga dari kiri) Ibu Pejabat MPSJ semalam.

Unit manakala aplikasi PBP disediakan oleh Kumpulan Godell Parking Sdn Bhd. Kedua-dua aplikasi ini boleh dimuat turun melalui Google Play dan Apple App Store di telefon bimbit pengguna.

"Ia mempunyai pelbagai fungsi antaranya mengingatkan pengguna masa tamat tempoh letak kereta, membuat bayaran kompaun (sekiranya ada) secara terus di aplikasi tersebut serta semakan bayaran letak kereta

sebelum pengeluaran kompaun oleh penguatkuasa pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran kedua-dua sistem pintar tersebut yang disempurnakan oleh Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han semalam.

Turut hadir Pengarah Eksekutif Godell Parking Sdn Bhd, Md Jaki Omar dan Pengarah Urusan,

Smart Selangor Delivery Unit Dr. Mohammad Fahmi Ngah.

Noraini berkata, terminal pembayaran parkir tanpa tunai (*cashless*) akan disediakan di lokasi bagi memenuhi keperluan pengguna yang tidak mempunyai akses telefon pintar.

Tambahnya, pengguna masih boleh menggunakan kaedah pembayaran letak kereta menggunakan kupon gores letak kereta, mesin 'Bayar dan Peraga' (Mesin P&D) atau pas bulanan digunakan sebelum ini.

Terdahulu beliau memaklumkan MPSJ merupakan PBT ketujuh yang menggunakan sistem pintar tersebut selepas Majlis Bandaraya Petaling Jaya; Majlis Perbandaran Ampang Jaya; Majlis Bandaraya Shah Alam; Majlis Perbandaran Kajang; Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Sepang.

Caj letak kereta dikenakan berbeza bagi setiap PBT, MPSJ mengenakan caj sebanyak 50 sen bagi tempoh sejam, RM4 bagi tempoh sehari dan sebanyak RM80 caj bulanan.

AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	KLANG FOLK LEFT HIGH AND DRY AFTER PIPE BURST
MUKA SURAT	10

Klang folk left high and dry after pipe burst

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

KLANG: Several places in Klang were thrown into chaos after their water supply came to a sudden halt on Sunday.

The cut was due to damage to the Klang stretch of the West Coast Expressway (WCE) project site from soil movement which caused a part of the road to sink as well as some parts of the retaining wall to crack.

Three main water pipes in the vicinity measuring 1,400mm, 900mm and 600mm dislocated and leaked extensively.

Some 80 houses and 30 shops were flooded in waist-deep muddy water on the day of the incident.

Selangor Menteri Besar Amirudin Shari, who visited the site yesterday, said the pipes were the major providers of water to Klang.

"We are doing the repair work now and the 1,400mm pipe is almost complete, and we can dis-

tribute the water to the Lipat Kajang catchment pond, which channels water to areas that are currently affected, once it is ready," said Amirudin.

He added that water would resume in stages and expected it to return to normal in 24 hours.

"We have almost completed the repairs on the pipes but there was soil movement again last night (Monday) and when this happened, work had to be stopped to prevent bigger problems," he said, adding that work after that concentrated on mitigating further damage.

Amirudin said had the mitigation gone smoothly without the soil movement, 30% of the water supply would have resumed by yesterday.

According to him, some 74 Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) water tankers had been dispatched to the affected areas.

"We have also provided about 20,000 five-litre mineral water bot-

les to be distributed given that it's the month of Ramadan.

"I know that it has created much hardship but we will overcome the water disruption as soon as possible," said Amirudin.

Water, Land and Natural Resources Minister Dr Xavier Jayakumar said he had asked the National Water Services Commission (SPAN) to open an investigation into the matter.

He said he would also ask government agencies such as the Survey and Mapping Department and Mineral and Geosciences Department to look into the soil movement in the area.

SPAN chairman Charles Santiago said investigations had already started to identify the cause of the mishap.

"WCE, as well as other relevant parties, will be called in to explain and if found there was negligence on their part, charges will be initiated against them," he said.



Repair in progress: Dr Xavier visiting the site of the ruptured pipes in Klang.

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	MORE BAZAAR LOTS IN SEPANG THIS YEAR
MUKA SURAT	6

More bazaar lots in Sepang this year

Increased number due to new housing areas, says municipal council

By GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

THERE are more stalls at Ramadan bazaars under the Sepang Municipal Council (MPSepang) this year.

MPSepang Licensing Department director Noor Halif Noorzan said 717 lots had been taken up at the various locations, compared to 510 stalls last year.

He attributed the increased number of stalls to development and the gradual population boom in areas such as Kota Warisan and Cyberjaya.

The local council has continued its incentives to encourage traders to keep cleanliness, participate in MPSepang's used oil buy-back programme, be creative in their display of merchandise, eschew the use of polystyrene and plastic bags, and offer customers the cashless payment system.

"Last year, 15 traders were presented with tableware sets as token of appreciation for their roles in supporting the council's vision of a progressive Ramadan bazaar. Twelve of them have opened stalls in our bazaar again this year," said Noor Halif.

He said special privileges were extended to traders who made the effort to toe the line during previous bazaars.

"Not only will they be exempted from queuing for lot applications the following year, these traders are also able to choose their preferred location and lots," he added.

Currently, 30% of the traders accept cashless payments via the Boost online payment app across all 13 Ramadan bazaar locations in Sepang.

Most of those that have a cashless system in place are in Cyberjaya.

Noor Halif said the "Say No To Plastic," buy-back of used oil and cleanliness programmes would be ongoing.

He said notices would be immediately served to traders who continued using polystyrene containers, while those who were spotted using plastic bags and straws would be given verbal reminder to refrain from doing so.

"Officers from MPSepang's Licensing, Environmental Health



Prices stated clearly on a big banner at a bazaar stall.



Caps, aprons and a neat stall are a must for traders at Ramadan bazaars.

well as the Sepang District Health Office will conduct inspections throughout the month," he said.

From January to April, the local council bought up to 5,808.65kg of used oil in its buy-back programme. The used oil is then pro-

Noor Halif said MPSepang will launch a programme on May 23 to reward customers who bring their own food containers.

He also warned traders that they would be blacklisted if they sold prohibited items such as fire-

Ramadan bazaars under Sepang Municipal Council

No.	Location	Lots
1)	Kosmopleks - Jalan 1, Bandar Baru Salak Tinggi	183
2)	Taman Putra Perdana - Jalan SE	155
3)	Pekan Dengkil - Pekan Dengkil night market	70
4)	Kota Warisan - Kipmall carpark	70
5)	Taman Dengkil Jaya - Jalan Kenanga 2	60
6)	Cyberjaya - Lingkaran Cyberpoint Barat, NeoCyber	52
7)	Sungai Pelek - Jalan Damai 1, Taman Sri Siantan	34
8)	Desa Pinggiran Putra - Jalan DPP 3/15	32
9)	Sungai Merab - Jalan SS12/1	21
10)	Taman Topaz - in front of Pangsapuri Topaz, Jalan T1	20
11)	Salak - Pekan Salak football field	10
12)	Taman Mas - Jalan Dagang Mas 1	10
13)	Pantai Sepang Putra - Jalan Perling 2	10



Example of imaginative product display at a Ramadan bazaar stall selling

AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	KLANG FOLKS PATIENCE TESTED OVER PIPE REPAIRS
MUKA SURAT	14

DAMAGED WATER PIPES

m/s - 14

Klang folks' patience tested over pipe repairs

KLANG: While many would see the unscheduled water cut here as a bane, especially during Ramadan, Siti Suria Mohd Jamaludin says it will test her patience.

The 30-year-old sales promoter from Kampung Sungai Udang, which was among the 80 areas affected by water cuts following damages to three main water pipes near the West Coast Expressway (WCE) on Sunday, said there was no need to play the blame game.

Siti Suria has been making several trips from her house to a public tap near Taman Seri Andalas to store water using 1.5-litre bottles since 10am yesterday.

"This was unexpected, but I do not see the need to get angry. We need to move on and it is good that Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) has provided public taps for us to get

water if supply from the tankers run out. I am thankful there are other options to get water.

"Yes, it's a little troublesome but I am glad this happened during the fasting month. Otherwise, I am sure we would be consuming more water. I consider this just a

little test for me and we should be patient," she said.



Siti Suria Mohd Jamaludin

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd customer relationship and communication department head Abdul Raof Ahmad, in a statement on Monday, said the pipe repair works were expected to be completed at 8pm the same day.

However, hours later, Syabas said the repair works on the main pipe had to be extended due to soil movement. It said water supply would be restored as soon as repair works were completed.

Lorry driver Muhammad Iskandar Hamdani, 26, of Kam-



People queuing up to get water at Masjid Jamek Ar Rahimiah in Klang yesterday. PIC BY FAIZ ANUAR

pung Delek said he and his wife made four trips to the public tap since 7am on Monday.

He said it was difficult getting water from the tankers as there were long queues, and the supply had run out when it was his turn.

"I was told that there are a few public taps here... so I decided to come here instead. I hope the repair works will be expedited and all will go on smoothly," said Iskandar.

Businessman Richard Lim said

he would make a trip to the public tap from his house in Bandar Puteri whenever the supply, used mostly for household chores, ran out.


"Thankfully I had bought a lot of drinking water when the recent water cut took place. The situation is bearable, but I hope it won't last too long.

"There are rumours the water cut will go on for the next two weeks to a month and I hope it is not true," said the 52-year-old.

Self-employed Azhar Lokman of Kampung Delek Kanan, who was on his fourth trip to the public tap since 5am, said he was taking the water cut in his stride.

"The Syabas water tanker does come to my area, but I prefer to let other families with young children and babies get their supply first. I come here as there is less of a crowd. It is tiring but the water cut was unforeseen, so I cannot possibly be angry at Syabas," said the 48-year-old.

AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	TAPS IN KLANG TO FLOW AGAIN
MUKA SURAT	6



Workers from Air Selangor repairing the burst pipes along the Shapadu Highway yesterday.
- **BERNAMAPIX**

Taps in Klang to flow again

► Amirudin: Water supply will be restored in stages

■ BY **AMAR SHAH MOHSEN**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Residents in Klang who faced water disruptions since Sunday due to three burst pipes can expect to see their taps flowing again today.

"Repair works had been completed and water supply will be restored in stages," Menteri Besar Amirudin Shari said yesterday.

The water disruption was caused by three burst pipes near the West Coast Highway (WCE) construction site.

It began on Sunday, a day before the start of the fasting month of Ramadan.

Restoration works by Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) hit a snag when one of the pipes that had already been fixed sprang a new leak.

Water, Land and Natural Resources Minister Dr Xavier Jayakumar said yesterday that Air

Selangor only realised the problem was worse than anticipated when the damaged pipes were being repaired.

"The pipes were displaced and dislocated at several spots when a new retaining wall, constructed for WCE, failed and caused soil movement that shifted the pipes," Xavier said.

"As a result, repair works had become tedious, difficult and risky," he added.

This round of water disruption comes a week after the scheduled water cut at several areas in the Klang Valley to accommodate upgrading works at the Sungai Selangor Phase 2 water treatment plant. More than four million residents were affected.